

Alat penggera kesan banjir dicuri

Teluk Intan: Sebuah alat penggera milik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang dipasang pada kunci air di Jalan Sithamparam Pillay di sini untuk memantau paras air Sungai Perak dipercayai dicuri.

Alat penggera yang menggunakan kuasa solar bernilai lebih RM5,000 itu disedari hilang oleh pekerja JPS yang ditugaskan menyelia kunci air berkenaan.

Setiausaha Politik kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mah Siew Keong, Ivanpal Singh berkata, beliau sendiri pergi memeriksa di lokasi berkenaan sebaik dimaklumkan kejadian itu minggu lalu.

Katanya, beliau kecewa perbuatan itu kerana kemudahan itu satu-satunya alat yang akan bertindak sebagai pem-

beri amaran kepada penduduk sekitar sekiranya air Sungai Perak naik mendadak ke paras bahaya iaitu di paras tiga meter dari paras laut.

"Kami kecewa kerana ada pihak sanggup membelakangkan keselamatan penduduk demi kepentingan diri. Bayangkan apa akan berlaku jika air naik ke paras bahaya," katanya di sini semalam.

Ivanpal berkata, berikutan kejadian itu beliau meminta kerjasama pihak JPS segera memasang semula alat berkenaan secepat mungkin.

Sementara itu, beliau berkata kerja pembinaan ban sepanjang 2.1 kilometer di persisiran tebing Sungai Perak di dua kawasan kritikal di daerah ini melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM75 juta akan dilaksanakan



Ivanpal menunjukkan alat penggera milik JPS yang dilarikan pencuri di Jalan Sithamparam Pillay. [FOTO RAVALE SAVARINATHAN/BH]

awal tahun depan.

Katanya, ban sepanjang 1.3 kilometer akan dibina sepanjang tebing di belakang Pejabat Askar Wataniah di Jalan Wah Keng Jooi manakala ban sepanjang 800 meter pula dibina di sepanjang tebing di Jalan Woo Saik Hong dan Jalan Sithamparam Pillay.

"Kontraktor dipilih dijangka akan memulakan kerja-kerja pembinaan ini pada awal Januari tahun depan dan dijangka siap dalam tempoh tiga tahun.

"Projek ini dijangka akan dapat menyelesaikan masalah banjir yang melanda daerah ini sejak berpuluh tahun lalu," katanya.